



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PELANTIKAN BAHARU PENGERUSI PTPTN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan sukacitanya memaklumkan bahawa YBrs. Encik Apli bin Yusoff telah dilantik sebagai Pengerusi PTPTN yang baharu bagi tempoh dua (2) tahun berkuatkuasa 18 Julai 2022.
2. YBrs. Encik Apli bin Yusoff, 52 tahun berkelulusan Ijazah Kepujian Kejuruteraan Bahan dari Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1994. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Ahli Lembaga Pengarah SME Corporation Malaysia dan Ahli Lembaga Pengarah MARA Incorporated Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Presiden Squash Racket Association of Terengganu, Naib Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu dan Ahli Majlis Kerja Tertinggi GAGASAN Kebangsaan.
3. Beliau sebelum ini pernah menyandang beberapa tanggungjawab antaranya pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Tati Production Sdn Bhd dan Ahli Lembaga Pengarah PTB Securities Sdn Bhd. Semoga dengan pengalaman beliau dapat membantu PTPTN menjadi sebuah agensi Kerajaan yang disegani sekali gus merealisasikan usaha PTPTN sebagai peneraju tabung pendidikan utama negara.
4. Tahniah diucapkan kepada YBrs. Encik Apli bin Yusoff di atas pelantikan tersebut. PTPTN turut mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Wan Saiful Wan Jan atas sumbangan dan baktinya sebagai Pengerusi PTPTN sejak 18 Jun 2018 sehingga 17 Jun 2022.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
21 Julai 2022